

31 AUG 2003

Mahathir-Kemajuan

MONOREL BUKTIKAN KEMAMPUAN NEGARA DALAM KEJURUTERAAN, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Sistem pengangkutan Monorel di ibu negara yang dilancarkan hari ini membuktikan kemajuan yang dicapai oleh negara dalam bidang kejuruteraan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Selepas kereta nasional kini kita mempunyai monorel, boleh dikatakan monorel kebangsaan kerana kita membina keseluruhannya dengan kepakaran tempatan," kata beliau.

Beliau berkata, Malaysia tidak mempunyai pengalaman dalam membina sistem pengangkutan seperti itu tetapi apa yang dicapainya menunjukkan negara telah mencapai kemajuan besar dalam bidang kejuruteraan.

Malaysia kini boleh mengeksport kepakaran kejuruteraan dan ini sesuatu yang Malaysia boleh berbangga dengan.

Dr Mahathir berkata demikian semasa melancarkan sistem Transit Monorel KL di stesen Monorel Bukit Bintang.

Dr Mahathir berkata, keupayaan untuk mengeluarkan monorel telah membolehkan negara untuk menyertai kumpulan elit yang mampu mengeluarkan sistem pengangkutan transit seperti itu.

"Tetapi kita tidak harus berhenti di sini, mungkin di masa depan kita boleh membina keretapi sendiri dan mungkin keretapi laju tetapi kita mungkin memerlukan lebih banyak masa," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia boleh mencapai apa sahaja ia mahu asalkan rakyatnya sanggup berusaha gigih dan mencuba "dan baru kita akan berjaya".

Kejayaan membina monorel juga menunjukkan warga Malaysia boleh menangani masalah dengan cara yang canggih.

Dr Mahathir berkata, projek monorel yang bernilai RM1.18 bilion mengambil masa tujuh tahun sebelum ia menjadi realiti tetapi "kita boleh berbangga kerana ia adalah hasil kita sendiri," katanya.

Beliau berkata, beberapa negara seperti China dan Indonesia telah menunjukkan minat untuk mengadakan projek lebih kurang sama di negara masing-masing dengan menandatangani memorandum persefahaman bersama Sistem Monorel KL.

Sistem transit monorel itu lebih murah berbanding sistem keretapi bawah tanah yang kos pembinaannya mungkin lima kali lebih dan monorel tidak banyak memberi kesan buruk kepada alam sekitar berbanding sistem pengangkutan transit yang lain.

-- BERNAMA

SR JM PR